

## **Amalan Pembelajaran Koperatif di Kalangan Guru-Guru Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Tiga buah Sekolah Teknik di Selangor**

**Azizi Hj. Yahaya  
Ahmad Johari Sihes  
Shahzalina Ghazali  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
81300 Skudai, Johor**

**ABSTRAK** :Kajian deskriptif ini adalah untuk meninjau amalan pembelajaran koperatif di sekolah menengah teknik tempatan. Seramai 90 orang guru yang mengajar matapelajaran teknik dan vokasional di 3 buah sekolah menengah teknik di negeri Selangor dijadikan sampel kajian. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian digunakan. Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 10.0 (*Statistical Package for Social Sciences*) dan dinyatakan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan min. Kajian ini mendapati responden sedikit sebanyak mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif tetapi faktor-faktor seperti kekangan masa dan sikap pelajar ternyata mempunyai pengaruh negatif terhadap pengamalan pembelajaran koperatif di sekolah menengah teknik yang dikaji. Walaupun demikian, sikap guru didapati positif dalam amalan pembelajaran koperatif dan menyumbang kepada pelaksanaan amalan pembelajaran koperatif di dalam kelas. Sebagai kesimpulan, amalan kaedah pembelajaran koperatif boleh dipertingkatkan dan diperluaskan penggunaannya sekiranya aspek yang boleh menjejaskan pengamalannya di atasi dan aspek yang menyumbang kepada pelaksanaannya dipertingkatkan.

(Kata kunci: amalan, pembelajaran koperatif, kekangan masa, sikap pelajar dan sikap guru)

**Abstract:** The aim of this descriptive study was to find out the practice of cooperative learning in local technical schools. A total of 90 respondents consisting of technical and vocational teachers from three selected technical secondary schools in Selangor were involved in this study. Questionnaires were used as the research instrument and the data were to yield frequencies, percentage and mean. The results showed that teachers have been practising some of the elements in cooperative learning. Time constraint and students' attitude were identified as the main factors which have negative effects towards the practice of cooperative learning in the studied technical schools. Nevertheless, teachers have positive attitude towards implementing cooperative learning in their class. The practise of cooperative learning can be improved and its use can be extended to other schools as long as the aspects that have negative effects can be overcome and the aspects contributing towards its effectiveness can be enhanced.

**(Keywords:** practice, cooperative learning, Teachers, attitude students' attitude, time constraint)

---

### **1.0 PENGENALAN**

Di dalam masyarakat moden, proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan dengan cara yang lebih sistematik terutamanya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Tanpa proses pengajaran yang sistematik, pengajaran dan pembelajaran berkesan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Menurut Khalid (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua

komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum.

Salah satu tanggungjawab sebagai seorang guru ialah memperbaiki mutu pengajarannya supaya lebih berkesan. Seseorang guru perlu memikirkan kaedah pengajaran yang sesuai untuk membantu pelajar menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam pembelajaran mereka.

Berdasarkan kepada pendapat dan pandangan di atas, ternyata bahawa satu langkah atau alternatif perlu diambil oleh guru bagi memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran. Salah satu daripadanya adalah dengan menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Proses pengajaran yang berkesan dan dijalankan dalam suasana sihat dan bersemangat akan dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar. Dengan itu, pembelajaran efektif akan berlaku.

Deskripsi di atas adalah bertepatan dengan ciri-ciri pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif melibatkan permuafakatan yang menitikberatkan aktiviti setiap individu di dalam kumpulan di mana mereka bekerja bersama-sama untuk kebaikan kumpulan mereka. Pembelajaran koperatif juga dilihat sebagai suatu usaha ke arah mempertingkatkan lagi pencapaian pelajar dan kemahiran kognitif (Slavin,1984).

Menurut Jaques (1991), kita adalah sebuah masyarakat yang sentiasa bermesyuarat - dunia terdiri daripada kumpulan-kumpulan kecil yang bertemu untuk berkongsi maklumat, merancang, menyelesaikan masalah, mengkritik dan memuji, membuat keputusan baru atau mencari kelemahan yang lalu. Usaha kerjasama akan wujud selepas saling kenal-mengenal di mana ia akan membawa kepada saling bantu-membantu di antara satu sama lain. Ini bertepatan dengan tujuan pembelajaran koperatif di mana setiap pelajar yang berbeza di antara satu sama lain sama ada dari segi pengalaman, sikap, tingkah laku, bakat dan kebolehannya akan berkongsi idea sesama mereka dan bekerjasama dalam mempelajari kemahiran atau melaksanakan suatu tugas.

## **2.0 LATAR BELAKANG MASALAH**

Pendidikan teknik dan vokasional yang telah lama berkembang di Malaysia dibentuk bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas vokasional dan teknikal. Kini pendidikan teknik dan vokasional semakin mendapat perhatian pelajar-pelajar dari sekolah menengah rendah sebagai pilihan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah tinggi. Pada tahun 2001 sahaja, sebanyak 48,000 permohonan diterima untuk mengikuti pengajian dalam aliran teknikal berbanding 31,000 tempat yang disediakan dan 60,000 permohonan mengikuti aliran vokasional berbanding 11,500 tempat yang ditawarkan (Yong et.al 1996).

Setiap pelajar yang memasuki sekolah menengah teknik diwajibkan mengambil semua subjek teras termasuk subjek teknikal atau vokasional bergantung kepada aliran kursus masing-masing. Bagi pelajar yang memasuki aliran teknik, mereka dikehendaki mengambil mata pelajaran sama ada Pengajian Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Elektronik atau Jentera . Manakala bagi mereka yang mengambil jurusan vokasional, mereka dikehendaki mengambil mata pelajaran sama ada Amalan Bengkel Mesin, Teknologi Automotif, Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Elektrik, Elektronik, Binaan Bangunan, Penyejukan dan Penyamanan Udara atau Perdagangan/Ekonomi Rumah Tangga.

Kebiasaannya guru-guru menggunakan kaedah “chalk and talk” untuk mengajar mata pelajaran tersebut di mana kaedah ini lebih bertumpu kepada guru sebagai sumber utama untuk bantuan dan maklumat (Hamm dan Adams, 1994). Walaupun kaedah pengajaran secara tradisional ini masih mempunyai kelebihan yang tersendiri seperti menjimatkan masa guru

dan keadaan kelas terkawal, namun kekurangan yang nyata dalam teknik ini ialah ” *it fills in only part of the learning picture because it fails to tap the learning power and lessons of collaboration*” (Hamm dan Adams, 1994).

Oleh yang demikian, kajian ini ingin mencari jawapan amalan pembelajaran koperatif di dalam kelas di kalangan guru semasa pengajaran mata pelajaran ini.

### **3.0 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah guru-guru matapelajaran teknik dan vokasional mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif dan mengenalpasti faktor-faktor yang menjejaskan amalan pembelajaran koperatif dalam kelas. Secara khusus, kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Sejauh manakah guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional mengamalkan pendekatan pembelajaran koperatif di dalam kelas?
2. Adakah faktor kekangan masa mempengaruhi guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional sehingga menjejaskan amalan pembelajaran koperatif dalam kelas?
3. Adakah sikap guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional merupakan faktor yang mempengaruhi amalan pembelajaran koperatif di dalam kelas?
4. Adakah sikap pelajar di dalam kelas menyebabkan guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional tidak mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif?

### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengetahui sejauh manakah guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional mengamalkan pendekatan pembelajaran koperatif.
2. Mengetahui sama ada faktor kekangan masa boleh mempengaruhi guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional daripada menggunakan kaedah pembelajaran koperatif.
3. Mengetahui sama ada sikap guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional yang menjejaskan pengamalan pembelajaran koperatif dalam kelas.
4. Mengetahui sama ada sikap pelajar dalam kelas mempengaruhi guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional daripada menggunakan kaedah pembelajaran koperatif

### **5.0 KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat-maklumat seperti berikut:

1. Membantu guru-gurumengetahui faktor-faktor yang menjejaskan pengamalan pembelajaran koperatif dalam kelas.
2. Membantu guru khususnya guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional mengenalpasti faktor-faktor yang menjejaskan pengamalan pembelajaran koperatif dalam kelas.

- 3 Membantu guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional dan pihak sekolah untuk menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan pendekatan pembelajaran koperatif dalam kelas.

## **6.0 BATASAN KAJIAN**

Dalam kajian ini, responden atau subjek kajian hanya terbatas kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran teknik dan vokasional kecuali guru -guru yang mengajar subjek Perdagangan, Pertanian dan Ekonomi Rumah Tangga. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah teknik iaitu Sekolah Menengah Teknik Shah Alam, Sekolah Menengah Teknik Klang dan Sekolah Menengah Teknik Selangor Sungai Buloh di negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian ini hanyalah mengkaji sejauh manakah guru-guru matapelajaran teknik dan vokasional mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif dan mengenalpasti faktor-faktor yang menjejaskan amalan pembelajaran koperatif dalam kelas.

## **7.0 SUBJEK DAN SAMPEL KAJIAN**

Subjek kajian adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran teknik dan vokasional di ketiga-tiga buah Sekolah Menengah Teknik yang telah dinyatakan seperti di atas. Terdapat seramai 119 orang guru mengajar mata pelajaran teknik dan vokasional di ketiga-tiga buah sekolah menengah teknik tersebut dan pengkaji telah memilih seramai 90 orang guru sebagai sampel kajian.

Pemilihan sampel dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah di mana senarai nombor guru-guru dalam daftar sekolah telah dimasukkan ke dalam sebuah kotak dan dicabut sehingga bilangannya mencukupi untuk dijadikan sampel kajian.

## **8.0 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang mempunyai dua bahagian dan merangkumi beberapa item. Bahagian A terdiri daripada soalan tentang demografi responden. Bahagian B pula berbentuk pernyataan atau soalan yang dibahagikan kepada empat kategori berdasarkan persoalan kajian iaitu sejauh manakah guru mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif di dalam kelas, faktor kekangan masa, faktor sikap guru dan faktor pelajar. Skala pemeringkatan Likert digunakan di mana skor 1 adalah sangat tidak setuju, 2 adalah tidak setuju, 3 tidak pasti, 4 setuju dan 5 sangat setuju.

## **9.0 DAPATAN KAJIAN**

### **9.1 Latarbelakang Responden**

Responden terdiri daripada 43(48%) guru lelaki dan 47 (52%) guru perempuan di mana 45(50%) orang dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun, 20(22%) orang dalam lingkungan umur 31 hingga 35 tahun orang manakala 25(28%) orang berumur 36 tahun ke atas.

Sebanyak 54% responden mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun, 21% responden mempunyai pengalaman mengajar bawah 6 tahun. Bilangan waktu mengajar pula adalah 23 hingga 25 waktu seminggu (74%), kurang daripada 19 waktu seminggu (20%) dan lebih daripada 25 waktu seminggu (6%).

Kebanyakan responden (67%) memegang 3 hingga 4 jawatan lain seperti penasihat persatuan, guru koperasi dan sebagainya, manakala 33% responden memegang 5 jawatan ke atas.

## **9.2 Aspek Pengamalan Pendekatan Pembelajaran Koperatif Oleh Guru Di Dalam Kelas**

Hasil daripada kajian menjelaskan bahawa guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional sedikit sebanyak mengamalkan pendekatan pembelajaran koperatif di dalam kelas mereka. Ini dibuktikan melalui data mentah yang diperolehi menunjukkan nilai min purata yang sederhana iaitu **3.59**

Menurut Effandi Zakaria (1998), pembelajaran koperatif adalah suatu strategi pengajaran di mana pelajar-pelajar saling membantu di antara satu sama lain di dalam kumpulan kecil yang mempunyai matlamat bersama. Pembahagian pelajar ke dalam kumpulan kecil memudahkan guru-guru sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian mendapati min yang tinggi iaitu 4.37 untuk kenyataan ini.

Dapatan kajian ini disokong oleh Hamm dan Adams (1994), yang menyatakan bahawa pembelajaran koperatif memudahkan dan mempertingkatkan keberkesanan pengajaran guru. Melalui proses penglibatan pelajar di dalam kumpulan secara aktif, guru juga dapat membuat penemuan-penemuan penting mengenai kaedah pelajar belajar dan apa yang mereka belajar. Oleh kerana pelajar terlibat dalam sebahagian proses pengajaran, keberkesanan guru mengajar dalam kelas dan proses pengajaran akan berganda.

Kajian ini mendapati min 4.09 untuk kenyataan pelajar digalakkan berbincang ketika menyelesaikan masalah yang diberi di dalam kelas. Di dalam pembelajaran koperatif, pelajar-pelajar digalakkan berbincang ketika menyelesaikan masalah yang diberi di dalam kelas. Ini disokong dengan pernyataan oleh Johnson & Johnson (1987) bahawa di antara elemen-elemen pembelajaran koperatif adalah interaksi kumpulan yang perlu wujud termasuklah tindakan pelajar untuk menerang, berbincang dan mengajar apa yang diketahui kepada pelajar yang lain. Pendekatan kerja berkumpulan ke arah proses penyelesaian masalah bersama, penggabungan tenaga kerja individu dan usaha berinteraksi dengan semua orang merupakan kemahiran-kemahiran yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan. Oleh sebab itu guru-guru sewajarnya menggalakkan pelajar-pelajarnya berbincang bersama menyelesaikan masalah.

## **9.3 Faktor Kekangan Masa Terhadap Pengamalan Kaedah Pembelajaran Koperatif**

Dari penganalisan data mengenai faktor kekangan masa terhadap pengamalan kaedah pembelajaran koperatif, memang tidak dapat disangkal bahawa kekangan masa memang mempunyai pengaruh yang besar terhadap pengamalan kaedah pembelajaran koperatif di sekolah. Ini boleh dibuktikan berdasarkan pada min purata yang didapati pada data mentah yang agak tinggi iaitu **3.77**

Di antara punca kekangan masa ialah beban tugas guru yang banyak. Dalam pentadbiran organisasi sekolah, masa untuk pembelajaran dalam kelas atau kegiatan sekolah telah ditetapkan oleh pihak pentadbir melalui takwim yang disediakan. Selain daripada aktiviti atau kegiatan yang ditetapkan, guru-guru juga sentiasa mendapat tugas tambahan yang diberi dari masa ke semasa dan perlu disiapkan mengikut jadualnya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rata-rata responden mempunyai bilangan waktu

mengajar pada tahap yang normal iaitu sebanyak 20 hingga 25 waktu seminggu. Hanya 6% responden sahaja yang mempunyai bilangan waktu mengajar melebihi 25 waktu dalam seminggu. Walaupun demikian, masa yang diperuntukkan untuk mengajar mata pelajaran teknik dan vokasional iaitu 2 waktu sebanyak 2 kali seminggu ternyata tidak mencukupi bagi pihak guru untuk mengadakan aktiviti bersama pelajar dalam kelas. Ini dibuktikan melalui dapatan kajian yang menunjukkan nilai min di tahap yang tinggi iaitu 3.92. Tambahan pula majoriti guru berpendapat kaedah pembelajaran koperatif memerlukan masa yang agak banyak dan penyediaan yang teliti untuk dibuat perancangan dan modulnya, min 3.92

Bagi mereka yang bergelar guru, tugas mengajar pelajar sahaja tidak mencukupi. Malah perkara yang menjadi keutamaan atau perkara yang tidak dapat dielakkan oleh guru-guru ialah menyiapkan tugas-tugas perkeranian yang diberikan dari masa ke semasa oleh pihak pentadbiran. Ini menyebabkan kebanyakan masa lapang yang dipunyai oleh guru di sekolah dipenuhi dengan tugas-tugas perkeranian dan pengurusan aktiviti bukan akademik. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang tinggi (4.02, 3.82). Tugas luaran yang banyak juga telah mengambil sebahagian besar masa mengajar guru (min=3.60).

Pemnyataan di atas diperkukuhkan lagi dengan melihat latar belakang responden kajian di mana kebanyakan responden memegang di antara 3 hingga 4 jawatan seorang (53.4%). Terdapat juga responden yang memegang 5 jawatan ke atas iaitu seramai 33.3%. Ini menunjukkan tugas-tugas bukan akademik ini sedikit sebanyak mengambil masa dan boleh mengurangkan tumpuan guru semasa mengajar.

Kajian yang dijalankan oleh Rudd dan Wisenan (1962, dalam Salwa, 1996) terhadap 590 orang guru mendapati beban tugas mengajar yang tinggi, bilangan pelajar yang ramai dalam sesuatu kelas dan kekurangan masa untuk tugas akademik adalah punca ketidakpuasan di kalangan mereka. Apabila terlalu banyak beban bukan akademik terpaksa dipikul, guru tiada masa untuk merancang pengajaran secara teliti.

Sebagai jalan mudah, guru akan memilih kaedah pengajaran yang mudah seperti kaedah 'chalk and talk' kerana kaedah pembelajaran koperatif memerlukan perancangan yang rapi. Ini boleh dilihat melalui dapatan kajian yang mencatat nilai min **3.56** bagi kenyataan kesibukan tugas bukan akademik menyebabkan responden tidak memilih kaedah pembelajaran koperatif.

Selain daripada kekangan masa yang disebabkan masa lebih diperuntukkan untuk tugas bukan akademik, penggunaan dan pengurusan masa yang tidak efisien juga menjadi kekangan kepada pengamalan pembelajaran koperatif di dalam kelas. Ini adalah berdasarkan pada dapatan kajian di mana nilai minnya pada tahap yang sederhana iaitu 3.52. Dapatan kajian ini disokong pula oleh Abdul Rahim (1999) di mana pengurusan masa sangat penting dalam semua urusan pengurusan khususnya berkaitan dengan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

#### **9.4 Pengaruh Faktor Sikap Guru**

Hasil daripada kajian membuktikan sikap guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional yang diambil sebagai responden kajian adalah berada di tahap yang baik. Ini boleh dibuktikan berdasarkan pada min purata yang didapati pada data mentah berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 3.80

Para guru melakukan tugas mereka sebagai guru dengan rasa rela hati dan sentiasa bersedia untuk meningkatkan prestasi kerja dari masa ke semasa. (min=4.46)

Kajian mendapati responden bersetuju (min 3.91) bahawa suasana dan keadaan bilik darjah yang menarik, aktif dan kreatif pada umumnya bergantung kepada peranan dan kepimpinan guru serta kaedah pengajaran berpusatkan pelajar seperti kaedah pembelajaran koperatif memerlukan suasana yang aktif di kalangan pelajarnya dan guru yang berwibawa untuk mengendalikannya.

Kajian juga mendapati bahawa responden mempunyai penguasaan yang tinggi dalam semua topik bagi subjek yang diajar (min 4.27). Teknik pengajaran guru yang menarik dan berkesan menunjukkan guru tersebut dapat menguasai pengetahuan mengenai subjek yang diajar dengan baik dan mempunyai kemahiran dan kecekapan mengajar yang tinggi.

Guru yang mahir dan kreatif juga tidak terlalu mengharapkan buku teks sebagai sumber pengetahuan utama. Mereka akan membuat rujukan daripada sumber-sumber lain dan berkongsi mengenainya bersama pelajar-pelajar agar pelajar lebih tertarik dan ingin mengetahui mengenai perkara tersebut dengan lebih lanjut. Pengajaran guru-guru ini juga tidak terlalu berpandukan urutan tajuk di dalam buku teks sepenuhnya (min=3.99, 4.54).

Guru-guru ini juga gemar jika pelajar-pelajar mereka mencari rujukan lain selain buku teks dan akan memberikan panduan kepada pelajar untuk memudahkan pencarian maklumat dan rujukan tambahan yang diperlukan, (min=4.18).

### **9.5 Faktor Sikap Pelajar dan Pengaruhnya Terhadap Pengamalan Kaedah Pembelajaran Koperatif**

Penganalisan data mengenai pengaruh sikap pelajar menunjukkan faktor ini sedikit sebanyak mempunyai pengaruhnya terhadap pengamalan kaedah pembelajaran koperatif. Ini adalah berdasarkan pada min purata yang didapati pada data mentah yang sederhana iaitu **3.60**.

Kajian mendapati responden bersetuju bahawa pelajar mereka bersikap bekerjasama dan saling membantu rakan yang menghadapi masalah dalam pembelajaran (min=4.03,3.81). Kaedah pembelajaran koperatif memerlukan pelajar-pelajar yang boleh bertoleransi, bekerjasama dan berdisiplin ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Ini kerana di dalam sesebuah bilik darjah, pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang disebutkan sebelum ini adalah penting untuk menghasilkan pencapaian objektif pengajaran yang berkesan,

Namun, dapatan kajian menunjukkan walaupun pelajar-pelajar boleh bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain ketika proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi mereka mempunyai masalah ketika bekerja di dalam kumpulan bersama pelajar lain (min=3.22). Keberkesanan dan kelancaran kaedah pembelajaran koperatif boleh terganggu sekiranya pelajar-pelajar tidak dapat memberikan kerjasama ketika aktiviti berkumpulan.

Di antara perkara yang boleh menjejaskan pengamalan kaedah pembelajaran koperatif ialah pelajar yang sukar menurut arahan guru. Keputusan kajian mendapati responden menyatakan bahawa pelajar-pelajar di dalam kelas mereka mempunyai masalah dalam menurut arahan guru (min=3.17). Kesukaran pelajar menurut arahan guru sepenuhnya berkemungkinan disebabkan rasa tidak mahu dikongkong dengan peraturan dan mahu bertindak bebas. Dapatan kajian ini disokong oleh Abdul Rahim (1999) di mana menurut beliau, sekiranya pelajar-pelajar bertindak bebas sesuka hati, aktiviti pengajaran dan pembelajaran tentunya akan terganggu.

Responden juga menyatakan bahawa pelajar-pelajar mereka sukar untuk menghantar kerja rumah tepat pada masa yang telah ditetapkan (min=2.82). Kesukaran pelajar untuk

menurut arahan guru seperti menghantar kerja rumah boleh menjejaskan kelancaran kerja kumpulan serta kerja ahli-ahli yang lain.

## **10 RUMUSAN**

Daripada kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa:

1. Guru-guru matapelajaran teknik dan vokasional secara sederhana mengamalkan pendekatan yang terdapat dalam kaedah pembelajaran koperatif. Guru masih tidak memahami konsep sebenar pembelajaran koperatif kerana tidak menggalakkan perkongsian nota di kalangan pelajar.
2. Kekangan masa berpunca dari tugas perkeranian dan bukan akademik serta pengurusan masa yang tidak efisien mempengaruhi perlaksanaan amalan pembelajaran koperatif.
3. Guru-guru matapelajaran teknik dan vokasional mempunyai sikap yang baik terhadap pembelajaran koperatif dan sikap bukan menjadi faktor menjejaskan pengamalan pembelajaran koperatif di sekolah.
4. Sikap pelajar mempengaruhi dan menjejaskan pengamalan pembelajaran koperatif di sekolah menengah teknik dan vokasional. Walaupun pelajar bersikap tolong-menolong secara individu, tetapi mereka mempunyai masalah untuk bekerjasama ketika bekerja sebagai satu kumpulan.

## **11 CADANGAN**

Cadangan untuk menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut:

1. Guru boleh menulis arahan sesuatu tugas di atas kertas bagi membantu pelajar memahami dan menurut keperluan sesuatu tugas. Ini bagi mengatasi masalah pelajar sukar menurut arahan guru sepenuhnya.
2. Guru - guru boleh dihantar menghadiri kursus berkaitan kemahiran yang diperlukan untuk pembelajaran koperatif terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan masa, perancangan pengajaran dan peningkatan daya kreativiti.
3. Waktu pengajaran guru perlu dipanjangkan lagi misalnya 3 waktu untuk sekali pengajaran kerana kaedah pembelajaran koperatif memerlukan jumlah masa yang bersesuaian untuk mengendalikan aktiviti berkumpulan pelajar.
4. Sebelum guru-guru memperkenalkan kaedah pembelajaran koperatif kepada pelajar, guru-guru bolehlah menerapkan sifat-sifat kepimpinan dan kebolehan untuk bekerja sebagai satu pasukan di kalangan pelajar.
5. Beban tugas guru seperti tugas-tugas perkeranian wajarlah dikurangkan agar guru-guru mempunyai masa yang mencukupi untuk merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan rapi.



## RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid 1999. Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Md. Shariff 1994. Strategi Pendidikan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burton, J 1987. Implementing The Learner-Centred Curriculum: NCP Seminar Plenary Papers. Sydney: National Centre for English Language Teaching and Research.
- Cates, W.M. 1990. Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan. Terjemahan Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, L dan Manion, L 1983. A Guide to Teaching Practice. 2<sup>nd</sup> ed. New York: Methnen & Co.
- Effendi Zakaria 1998. Pembelajaran Koperatif. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis PhD. Tidak diterbitkan.
- Hamm, M. dan Adam, D M. 1994. New Designs For Teaching And Learning In Tomorrow's Schools. San Francisco, CA. Jossey Bass ms 98.
- Johnson, D.W. dan Johnson, R.T. 1987. Learning Together And Alone. 2<sup>nd</sup> ed. New Jersey. Englewood Cliffs. Prentice Hall.
- Jaques, D. 1991. Learning In Groups. 2<sup>nd</sup> ed. London, Kogan Page.
- Khalid Mohamed Nor 1993. Kaedah Pembelajaran Berkesan. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai M Sdn. Bhd.
- Salwa Abu Bakar 1996. Kajian Mengenai Tugas-Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.. Tidak diterbitkan.
- Slavin, R. B. 1984. Students Motivating Students to Excel: Cooperative Incentives, Cooperative Tasks and Student Achievement. The Elementary School Journal. 85(1): 53-63.
- Sulaiman Ngah Razali 1996. Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yong, Leonard M.S., dan Biraimah, K L. 1996. Guru Yang Kreatif: Isu-isu Teoritikal dan Aplikasi Praktikal. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn Bhd.